



KONFLIK KAUM SELEPAS PENDUDUKAN JEPUN 1945 DAN PERISTIWA 13 MEI 1969 DI TANAH MELAYU: SUATU ANALISIS

RACIAL CONFLICT AFTER THE JAPANESE OCCUPATION IN 1945 AND THE MAY 13, 1969 INCIDENT IN MALAYA: AN ANALYSIS

Mohd Syafiq Zaini^{1*}, Saifulazry Mokhtar^{2*}, Sharifah Darmia Sharif Adam^{3*}, Sabariah Abd Rahim⁴, Azman Che Mat⁵

¹ Pascasiswazah, Fakulti Sosial Sains dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: syafiqzaini120398@gmail.com

² Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

³ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: shdarmia@ums.edu.my

⁴ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: sab@ums.edu.my

⁵ Akademi Pengjian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Terengganu, Malaysia
Email: azman531@uitm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.03.2023

Revised date: 10.04.2023

Accepted date: 31.05.2023

Published date: 27.06.2023

To cite this document:

Zaini, M. S., Mokhtar, S., Adam, S. D. S., Abd Rahim, S., & Che Mat, A. (2023). Konflik Kaum Selepas Pendudukan Jepun 1945 Dan Peristiwa 13 Mei 1969 Di Tanah Melayu: Suatu Analisis. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (32), 371-389.

Abstrak:

Masyarakat Tanah Melayu mempunyai penduduk yang pelbagai dan berbilang kaum, yang berasal dari zaman penjajahan British. Dalam konteks pluralistik masyarakat Malaysia, isu perkauman boleh dikatakan sensitif dan penting. Pluralisme menunjukkan kepelbagaian berdasarkan setiap identiti kaum. Kepelbagaian merujuk kepada perbezaan yang wujud dalam sesebuah masyarakat. Perbezaan ini merupakan cabaran kepada pembinaan identiti nasional dan perpaduan negara kerana dalam usaha mewujudkan negara bangsa bukanlah sesuatu yang mudah. Tumpuan kajian memfokuskan kepada analisis di antara dua insiden konflik kaum telah berlaku iaitu selepas pendudukan Jepun 1945 dan peristiwa 13 Mei 1969. Analisis ini akan melihat dari segi aspek analisis persamaan dan perbezaan antara kedua-dua peristiwa konflik kaum tersebut. Adakah benar wujud perbezaan mahupun persamaan antara kedua-dua peristiwa konflik kaum di Tanah Melayu. Hasil kajian mendapati bahawa kedua-dua peristiwa konflik kaum tersebut adalah merupakan suatu kejadian yang dirancang dan tidak berlaku secara spontan.

DOI: 10.35631/IJLGC.832028.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



Ia juga didorong daripada wujudnya unsur oppression atau penindasan yang sangat berat. Dari segi penglibatan komunis, dilihat lebih menyeluruh semasa insiden selepas pendudukan Jepun pada 1945 berbanding peristiwa 13 Mei 1969. Menjadikan konflik kaum pada 1945 tidaklah bersifat perkauman secara menyeluruh tetapi lebih kepada matlamat mereka dalam memperluaskan pengaruh komunis di Tanah Melayu. Berbeza dengan peristiwa 13 Mei 1969, rusuhan kaum berlaku akibat daripada persaingan politik ketika itu yang tidak sihat dan tidak mementingkan kemajmukan.

Kata Kunci:

Kemajmukan, Pengaruh Komunis, Penindasan, Pendudukan Jepun Konflik Kaum, Peristiwa 13 Mei 1969, Tanah Melayu, Malaysia

Abstract:

The society of Malaya has a diverse and multiracial population, which originates from the British colonial era. In the pluralistic context of Malaysian society, racial issues can be said to be sensitive and important. Pluralism shows diversity based on each racial identity. Diversity refers to the differences that exist in a society. This difference is a challenge to the construction of national identity and national unity because in the effort to create a nation state is not something easy. The focus of the study focuses on the analysis between two incidents of racial conflict that occurred after the Japanese occupation in 1945 and the event of May 13, 1969. This analysis will look in terms of analysing the similarities and differences between the two incidents of racial conflict. Is it true that there are differences or similarities between the two incidents of racial conflict in Malaya? The results of the study found that the two incidents of racial conflict were a planned incident and did not happen spontaneously. It is also motivated by the existence of elements of oppression or very heavy oppression. In terms of communist involvement, it was seen to be more comprehensive during the incident after the Japanese occupation in 1945 compared to the event of May 13, 1969. The racial conflict in 1945 was not entirely racial in nature but more about their goal in expanding communist influence in Malaya. In contrast to the events of May 13, 1969, the racial riots occurred as a result of political competition at that time which was unhealthy and did not care about pluralism.

Keywords:

Pluralism, Communist Influence, Oppression, Japanese Occupation, Racial Conflict, May 13, 1969 Events, Malaya, Malaysia

Pengenalan

Malaysia mempunyai populasi masyarakat majmuk yang terdiri daripada pelbagai kaum dan dicetuskan daripada penjajahan British. Bermula dengan pelaksanaan dasar yang membawa tenaga buruh luar oleh British, telah menyebabkan berlakunya penghijrahan masuk imigran Cina dan India secara tidak terkawal (Hanifa & Othman, 2012). Isu perkauman adalah merupakan sesuatu isu yang boleh dikatakan sensitif dan penting jika dilihat di dalam konteks majmuk masyarakat Malaysia. Kemajmukan memperlihatkan kepelbagaiannya berdasarkan identiti setiap kaum. Kepelbagaiannya merujuk kepada perbezaan yang wujud dalam sesebuah masyarakat. Perbezaan ini yang menjadi cabaran kepada pembinaan identiti kebangsaan dan perpaduan nasional. Mewujudkan sebuah negara bangsa adalah bukan suatu perkara yang

mudah. Matlamat membina sebuah masyarakat yang berasaskan negara bangsa perlu seiring dengan perpaduan dalam kalangan pelbagai kaum (A'zmi & Rakan-rakan, 2017). Berlainan dengan negara lain seperti Indonesia dan Thailand, Malaysia mempraktikkan cara dan acuannya yang tersendiri.

Dengan membina perpaduan nasional dan membentuk identiti kebangsaan di samping memastikan hubungan antara kaum sentiasa terpelihara dan aman. Nilai persefahaman dan toleransi di kalangan rakyat adalah penting untuk memastikan kesejahteraan sesama rakyat dikongsi bersama. Tanpa dua elemen ini, ia boleh mendatangkan kesan negatif. Melihat kepada sejarah Malaysia, didapati berlakunya konflik perkauman yang besar sebanyak dua kali pada waktu masa yang berbeza. Masalah konflik kaum khususnya di antara Melayu dan Cina telah berlaku di Tanah Melayu (Semenanjung Malaysia) selepas pendudukan Jepun pada tahun 1945 di mana berlakunya kekosongan kuasa pemerintah dan memberi ruang kepada komunis untuk bertindak ganas. Kemudian menjelang pasca kemerdekaan negara, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam membina kembali keharmonian kaum dan perkongsian nilai bersama. Namun, persaingan politik yang tidak sihat ketika itu telah menjurus kepada tercetusnya rusuhan kaum yang berlaku pada 13 Mei 1969. Kedua peristiwa ini secara amnya dilihat peristiwa yang serupa kerana kedua-duanya mengetengahkan isu yang sama iaitu berkaitan isu konflik kaum di Semenanjung Tanah Melayu (Rosmanira, 2017).

Persoalan dan Objektif Kajian

Isu konflik kaum yang berkisarkan hubungan etnik ini sering menjadi perdebatan dan perhatian oleh para pengkaji, namun persoalan yang seringkali dibangkitkan tidak banyak perbezaan dan umumnya berkaitan dengan masalah atau faktor pergaduhan kaum dari aspek politik, ekonomi dan sosial di Tanah Melayu. Dalam mengkaji isu ini, sebahagian pengkaji menumpukan fokus kajian mereka terhadap kesan serta impak daripada salah satu peristiwa pergaduhan kaum yang berlaku. Oleh itu, penulisan kajian ini akan menganalisis serta membincangkan perbandingan dua peristiwa besar konflik perkauman yang berlaku di Tanah Melayu iaitu selepas pendudukan Jepun dengan tragedi rusuhan 13 Mei 1969.

Maka dengan itu, timbul beberapa persoalan mengenai isu ini sehingga menarik minat pengkaji untuk menghasilkan penulisan ini. Antara persoalan tersebut ialah adakah kedua peristiwa konflik kaum ini berlaku kerana didorong oleh faktor yang sama? Apakah perbezaan daripada kedua-dua peristiwa konflik kaum ini? Oleh hal yang demikian, bagi merungkai persoalan-persoalan tersebut, terdapat beberapa objektif kajian dalam penyelidikan ini. Di antara objektif tersebut adalah untuk meneliti faktor-faktor menyebabkan berlakunya konflik kaum selepas pendudukan Jepun dan konflik kaum 13 Mei 1969. Objektif kedua dalam penulisan ini akan membuat analisis perbandingan antara konflik kaum selepas pendudukan Jepun dengan konflik kaum pada 13 Mei 1969.

Sorotan Literatur

Bibit-bibit ketegangan di antara kaum sebenarnya telah dapat dirasai sebelum pendudukan Jepun lagi. Sejarah kemajmukan etnik di Tanah Melayu ini mula menjadi signifikan apabila pihak kolonial British datang mengawal dan menguasai negeri-negeri Melayu (Selamat & Iszuan, 2016). Bermula dengan pelaksanaan dasar membawa buruh oleh British, telah menyebabkan berlakunya penghijrahan masuk imigran Cina dan India secara tidak terkawal (Rahim, 1991). Walau bagaimanapun, isu perkauman pada awalnya tidak menebal dan tiada

sebarang peristiwa besar pertumpahan darah yang berlaku di antara tiga kaum utama ini. Menurut Ho Hui Ling (2004), hal ini disebabkan oleh dasar pecah dan perintah yang dilaksanakan oleh pihak British. Dasar ini telah membahagikan kaum mengikut fungsi-fungsi dan peranan mereka dalam pembangunan ekonomi, tempat tinggal dan sistem pendidikan yang berbeza. Secara tidak langsung mengurangkan interaksi di antara kaum dan mengurangkan berlaku konflik mahu pun perselisihan faham yang menjurus kepada pertumpahan darah.

Namun, keadaan ini berubah selepas pendudukan Jepun di Tanah Melayu pada tahun 1945. Dasar pemerintahan yang digunakan oleh Jepun telah menyumbang kepada tercetusnya konflik kaum selepas tahun 1945. Mohamed Ali Haniffa dan rakan-rakan (2018), menerusi penulisan mereka yang bertajuk “Konflik Perkauman Cina-Melayu Selepas Pendudukan Jepun Di Tanah Melayu: Pandangan Berdasarkan Akhbar Seruan Ra’ayat”, menyatakan bahawa tindakan kejam dan tidak adil ke atas semua kaum, khususnya kaum Cina semasa pendudukan Jepun menjadi faktor utama berlakunya keganasan komunis. Penindasan tersebut secara tidak langsung telah mengeruhkan lagi isu perkauman yang ada dan akhirnya tercetusnya gerakan Komunis selepas pengunduran Jepun dari Tanah Melayu pada 1945. Menurut Haniffa dan Azilah (2021), kezaliman komunis juga menjadi salah satu faktor yang merenggangkan hubungan kaum di Tanah Melayu. Hubungan baik di antara orang Melayu dan Cina akhirnya tercaltar berikutan Bintang Tiga mengambil alih pemerintahan selama 14 hari selepas pengunduran tentera Jepun dari Tanah Melayu. Malah bukan itu sahaja, di dalam penulisan oleh Ho Hui Ling yang bertajuk “Keadaan Sosial di Tanah Melayu 1948-1960”, ketakutan orang ramai terhadap komunis diperincikan melalui keganasan yang dilakukan oleh komunis terhadap penduduk di Tanah Melayu termasuk kaum Cina, Melayu, India, kaum Orang Asli dan kaum lain. Manakala kajian Cheah Boon Kheng pula tertumpu kepada pergaduhan Melayu-Cina yang telah berlaku antara tahun 1945-1946. Beliau menyifatkan bahawa orang Melayu telah menerima tindakan balas dendam komunis apabila mereka tidak memberikan sokongan kepada perjuangan mereka.

Seterusnya peristiwa 13 Mei 1969 pula adalah merupakan sejarah hitam Malaysia setelah negara mencapai kemerdekaan. Leon Comber merupakan salah seorang sarjana awal yang telah melaksanakan kajian awal mengenai peristiwa 13 Mei ini. Hasil penulisan beliau bertajuk “Peristiwa 13 Mei Sejarah Perhubungan Kaum Cina-Melayu”, menganalisis dari mulanya berlaku pertembungan masyarakat majmuk di Tanah Melayu iaitu semasa penjajahan British sehingga selepas peristiwa 13 Mei. Beliau memberi penegasan terhadap isu konflik dalam politik semasa pilihan raya 1969 menjadi punca rusuhan 13 Mei 1969. Selain itu, Almarhum Tunku Abdul Rahman bertajuk “13 Mei sebelum dan selepas” adalah merupakan pendapat dan pengalaman dari kaca mata beliau mengharungi peristiwa berdarah tersebut. Di dalam penulisan ini, beliau merumuskan bahawa terdapat dua golongan yang menjadi punca iaitu golongan pelampau yang mengapi-apikan keadaan dan golongan komunis. Akibat provokasi daripada golongan ini, ketegangan kaum dan tercetusnya rusuhan perkauman.

Metodologi Kajian

Skop masa bagi kajian ini berfokuskan terhadap sejarah dua peristiwa besar konflik kaum di Tanah Melayu iaitu selepas pendudukan Jepun tahun 1945 dan peristiwa 13 Mei 1969. Dalam hal ini, penulisan ini berfokuskan kepada dua tempoh peristiwa konflik kaum ini. Metodologi kajian di dalam artikel ini menggunakan kaedah penyelidikan sejarah dan bersifat kualitatif

yakni naratif perbincangan secara deskriptif analitikal dan komperatif. Metod kualitatif ditakrifkan sebagai kaedah untuk mencari dan memberikan keterangan serta pemerhatian bukan numerikal walaupun terdapat keterangan yang merujuk kepada statistik. Lazimnya kajian dalam bidang ini mempersempahkan dapatan kajian dengan memberikan keterangan, interpretasi atau makna dalam komunikasi (Jasmi, 2021). Data kajian kualitatif yang diperolehi adalah bersifat deskriptif, seperti rekod pemerhatian, penelitian dokumen, penulisan artikel atau jurnal, kertas penyelidikan dan data dianalisis secara induktif (Mohajan, 2018). Di dalam kajian ini akan tertumpu kepada sumber primer dan sekunder yang berkaitan dengan peristiwa konflik kaum selepas pendudukan Jepun 1945 dan peristiwa 13 Mei 1969 yang diperolehi dari buku-buku, dokumen rasmi, terbitan jurnal dan banyak lagi.

Analisis Konflik Kaum Selepas Pendudukan Jepun 1945 Dan Peristiwa 13 Mei 1969

Kedua-dua peristiwa ini jelas berkait rapat dengan isu yang sama iaitu konflik ketegangan antara kaum. Perlu difahamkan bahawa perbezaan yang paling ketara adalah melihat kepada tempoh masa atau era kedua peristiwa berlaku. Sebagai contoh, kejadian konflik kaum selepas pendudukan Jepun berlaku selepas perang dalam erti kata lain sebelum kemerdekaan. Berbeza dengan peristiwa 13 Mei 1969 yang berlaku di dalam era sivil di mana negara telah mencapai kemerdekaan dan berkerajaan sendiri. Oleh hal yang demikian, ini tidak dinafikan bahawa wujud perbezaan besar antara dua peristiwa tersebut. Namun, masih terdapat beberapa persamaan yang berkait rapat daripada dua peristiwa bersejarah ini. Berikut adalah jadual perbandingan konflik kaum di antara dua tempoh masa tersebut:

Jadual 1: Perbandingan Konflik Kaum Selepas Pendudukan Jepun 1945 dan Peristiwa 13 Mei 1969.

	Selepas Pendudukan Jepun 1945	Peristiwa 13 Mei 1969
Peristiwa yang Terancang	Kejadian yang terancang oleh PKM. Pada tahun 1940, British menjumpai manifesto PKM untuk menawan Tanah Melayu. Tetapi perancangan tersebut tergendala akibat daripada penjajahan tentera Jepun di Tanah Melayu. Ketika suatu perjanjian diantara PKM dan British dipersetujui bekerjasama menentang Jepun, PKM telah membuat perancangan awal untuk meneruskan matlamat asal mereka menawan Tanah Melayu selepas berjaya menentang Jepun. PKM mengambil peluang semasa tempoh 14 hari kekosongan kuasa untuk menawan Tanah Melayu dengan cara agresif keganasan dan kekerasan.	Berdasarkan kepada kenyataan Subky Latiff (jurnalis) dan pengakuan Tunku Abdul Rahman sendiri, peristiwa 13 Mei 1969 salah suatu yang dirancang tetapi tidak dikenal pasti siapa dalangnya. Ia adalah bertujuan untuk menjatuhkan kepimpinan Tunku Abdul Rahman. Ditambah pula daripada tingkah laku atau tindakan daripada pihak pembangkang semasa tempoh berkempen yang sering menggunakan isu-isu sentimen perkauman semasa berkempen telah menyemarakkan lagi konflik kaum antara masyarakat secara sengaja. Perbuatan mengapi-apikan perasaan perkauman cukup ternyata dalam

		ucapan-ucapan bagi memancing undi dan sokongan.
Penindasan Pendorong Kepada Peristiwa Berdarah	<p>Wujudnya unsur <i>oppression</i> atau penindasan yang sangat berat. Berpuncanya daripada penjajahan Jepun yang kejam. Ketika ini kaum Cina ditindas dengan kejam oleh Jepun. Perasaan dendam terbuku bukan sahaja kepada tentera Jepun malah turut berasa dendam terhadap orang Melayu kerana bekerjasama dengan pihak tentera Jepun. Tindakan PKM yang bertindak ganas dan menindas orang-orang Melayu dan memperkotak-katikkan kesucian agama Islam, telah menimbulkan kemarahan dan kebangkitan dalam kalangan orang Melayu. Akhirnya berlaku pertembungan berdarah antara kaum.</p>	<p>Wujudnya unsur <i>oppression</i> atau penindasan akibat daripada ketidakstabilan politik selepas negara merdeka. Kepimpinan kerajaan Parti Perikatan yang tidak bersifat kemajmukan menyebabkan orang bukan Melayu merasakan hak mereka ditindas sebagai rakyat Malaysia. Ditambah pula dengan persaingan politik tidak sihat di mana sering membangkitkan dan melaga-lagakan antara kaum. Ditambah pula dengan kebangkitan orang bukan Melayu yang agresif dan provokasi menimbulkan ketidaksenangan dan kebimbangan dalam kalangan orang Melayu, justeru, serangan balas dilakukan bertujuan bagi mempertahankan diri mereka.</p>
Penglibatan Komunis	<p>Penglibatan penuh pihak Komunis yang bersifat agresif dalam memperluaskan pengaruh mereka telah menjadi punca utama pertembungan kaum selepas pendudukan Jepun.</p>	<p>Wujud penglibatan kecil dari pihak Komunis, tetapi bukanlah faktor utama. Sebaliknya, persaingan politik yang tidak sihat menjadi faktor dominan kepada konflik kaum yang berlaku pada 13 Mei 1969.</p>
Perjuangan Yang Menuntut Hak Kaum Atau Tidak?	<p>Tindakan keganasan yang dilakukan lebih kepada atas dasar untuk membala dendam, memperjuang ideologi komunis dan meluaskan kuasa serta pengaruh komunisme di Tanah Melayu bagi mencapai agenda mereka. Walaupun tindakan PKM seolah-olah untuk menunjukkan kepada masyarakat orang Cina terutamanya, bahawa mereka bertindak untuk membela nasib golongan yang dikejami oleh Jepun</p>	<p>Perjuangan yang menuntut hak kaum masing-masing (Melayu, Cina dan India). Kaum Melayu dan bukan Melayu, saling menegakkan <i>status quo</i> dalam penuntutan hak-hak dan keadilan yang sama rata diberikan oleh kerajaan. Namun disebabkan oleh pentadbiran yang tidak bersifat kemajmukan dan persaingan politik yang berasaskan kepada isu-isu perkauman, telah menyukarkan</p>

	<p>dan persubahatannya. Namun, hakikatnya ini hanyalah strategi PKM dalam meraih sokongan dan bantuan tenaga tentera dalam menawan Tanah Melayu.</p>	<p>untuk mendapatkan persetujuan daripada semua pihak. Akhirnya, menjurus kepada suatu kebangkitan yang bersifat agresif sehingga menyebabkan berlakunya pertumpahan darah.</p>
--	--	---

Peristiwa Yang Terancang

Persamaan yang dapat dilihat menerusi kedua-dua peristiwa ini adalah satu peristiwa yang terancang untuk berlaku. Jika dilihat secara teliti dapat dikenal pasti bahawa kedua-dua peristiwa konflik kaum ini berlaku bukanlah secara spontan, malah ianya adalah sesuatu peristiwa yang dirancang sejak awal ini. Melihat kepada konflik kaum selepas pendudukan Jepun 1945, memperlihatkan bahawa peristiwa tersebut adalah kejadian yang terancang oleh Parti Komunis Malaya (PKM). Sejak awal lagi PKM telah merancang untuk menawan Tanah Melayu dan menjadikan sebuah negara komunis dan memperluaskan lagi pengaruh komunis. Bukti, pada tahun 1940, pihak berkuasa British telah menjumpai manifesto PKM. Di dalam manifesto tersebut memperjelaskan dengan terang bahawa perjuangan PKM berteraskan kepada 10 prinsip. Ianya adalah merupakan satu perancangan parti komunis untuk menubuhkan sebuah negara yang dinamakan sebagai Republik Demokratik Malaya di Tanah Melayu. Satu slogan yang diterapkan oleh PKM adalah “*Drive British Out of Malaya! Fight for the Independence of various races, establish a Malayan Democratic Republic*” (Zaki, 2017: 49). Namun, perancangan tersebut tergendala disebabkan oleh kemaraan tentera Jepun sehingga berjaya menawan Tanah Melayu. Tindakan kejam Jepun membunuh dan menindas orang Cina di Tanah Melayu telah menghalang perluasan kuasa PKM. Dengan keadaan sedemikian, menyebabkan ramai generasi muda Cina, terutamanya dalam lingkungan usia 18 hingga 22, mula tertarik dengan ideologi komunis. Mereka menyertai parti tersebut kerana percaya bahawa PKM sahaja sebuah organisasi yang mampu menentang Jepun dan dasar perluasan kuasanya (Cooper, 2001: 430, 437).

Semasa perang dunia kedua, Parti Komunis Malaya bertindak bersembunyi di hutan demi keselamatan mereka dan bagi menunggu peluang dalam membuat serangan balas terhadap tentera Jepun. Namun ini bukanlah sesuatu perkara yang mudah kerana kekuatan tentera Jepun yang sukar untuk ditewaskan oleh Parti Komunis Malaya pada ketika itu. Oleh itu, PKM menawarkan jalinan kerjasama dengan British dalam menentang dan mengusir tentera Jepun dari Tanah Melayu. Di antara perjanjian yang dipersetujui oleh PKM dan *Southeast Asia Command* (SEAC) yang diwakili oleh Force 136. Perjanjian ini ditandatangani oleh Mejuri John L.H Davis, Kapten Richard Broome dan Tan Chong Lim sebagai penterjemah mewakili SEAC. Manakala dari pihak PKM diwakili oleh Lai Tek yang merupakan setiausaha agong PKM (Chin Peng, 2003 : 25). Dengan adanya jalinan kerjasama dengan kerajaan British, keadaan itu memberikan peluang besar kepada PKM untuk mengembangkan pengaruhnya, sama ada dari segi moral dan material. Segala keperluan seperti senjata, letupan, kewangan dan perubatan telah diberikan oleh British. Ini secara tidak langsung menguatkan latihan ketenteraan PKM (Zaki, 2017 : 74).

Menurut Zaki (2017), terdapat beberapa kelemahan yang terkandung di dalam perjanjian tersebut. Parti Komunis Malaya (PKM) berpandangan perundingan tersebut hanyalah membincangkan berkaitan kerjasama dan bantuan ketenteraan bagi menentang tentera Jepun

dan tidak melibatkan permasalahan politik selepas perang. Maka ini dilihat bahawa hasil daripada perjanjian kedua-dua pihak memiliki maksud dan matlamat yang berbeza. Jadi tidak hairanlah jika PKM telah membuat perancangan awal untuk meneruskan matlamat asal mereka dalam menjadikan Tanah Melayu sebagai Republik Demokratik Malaya. Buktinya dapat dilihat setelah pengunduran tentera Jepun dari Tanah Melayu pada 1945, Parti Komunis Malaya mengambil peluang semasa tempoh kekosongan kuasa untuk menawan Tanah Melayu. PKM bertindak menguasai Tanah Melayu dengan cara keganasan dan kekerasan yang dipengaruhi oleh dendam mereka yang dilayan dengan amat teruk semasa penjajahan Jepun. Maka secara tidak langsung wujud tentang daripada orang-orang Melayu membalaas serangan dan berlaku konflik kaum.

Seterusnya, penyataan sama juga boleh ditujukan kepada peristiwa 13 Mei 1969 yang dikatakan sebagai satu insiden yang dirancang. Pada tahun 1977, Subky Latiff, seorang jurnalis pada masa itu telah mengeluarkan satu kenyataan yang membingungkan:

"The May 13 incident did not occur spontaneously. It was planned quickly and purposely. The identity of the planners of the incident cannot be stated with accuracy. But whatever it was that happened, the May 13 incident was a form of coup d'état directed against Tunku Abdul Rahman. The Tunku's power in fact ended from then onwards. Although he continued to be Prime Minister and President of UMNO, he was no more than a figurehead." (Subky Latiff, 1989 : 6)

Tunku Abdul Rahman sendiri juga telah mengakui dakwaan tersebut dengan menyatakan bahawa terdapat beberapa individu yang cuba menyingkirkan beliau seperti Harun, Mahathir dan Ghazali Shafie. Menurut Dr. Kua menerusi penulisan beliau yang bertajuk "*May 13 - Declassified Documents on the Malaysian Riot of 1969*", menyatakan bahawa insiden 13 Mei telah dirancang lebih awal lagi oleh pihak kapitalis bukan Melayu.¹ Perancangan ini adalah merupakan rancangan untuk menjatuhkan Tunku Abdul Rahman. Pihak kapitalis bukan Melayu menganggap bahawa kepimpinan Tunku Abdul Rahman adalah satu konspirasi kapitalis Melayu bagi menyaingi dan menggugat kedudukan kapitalis bukan Melayu. Sebagai Perdana Menteri Tunku dilihat sebagai wakil kepada aristokrasi Melayu terdahulu pada waktu itu dan bertanggungjawab dalam mewujudkan golongan kapitalis dalam kalangan orang-orang Melayu. Ini adalah satu rancangan politik yang telah mengubah langkah perjalanan sejarah Malaysia lantas memastikan kebangkitan dan kekuuhan politik kelas ekonomi kapitalis Melayu melalui Dasar Ekonomi Baru (Kua Kia Soong, 2007: 85).

Selain itu, dapat juga kita melihat daripada tingkah laku atau tindakan daripada pihak pembangkang semasa tempoh berkempen. Parti pembangkang yang sering menggunakan isu-isu sentimen perkauman semasa berkempen telah menyemarakkan lagi konflik kaum antara masyarakat (Laporan Majlis Gerakan Negara, 1969). Dalam sepanjang kempen-kempen pilihanraya itu, beberapa calon yang tidak bertanggungjawab telah menggunakan isu-isu perkauman. Perbuatan mengapi-apikan perasaan perkauman cukup ternyata dalam ucapan-ucapan bagi memancing undi dan sokongan. Ini memperlihatkan bertapa tingginya keinginan matlamat mereka dalam menjadi kerajaan menggantikan UMNO dan menjatuhkan Tunku

¹ Golongan kapitalis bukan Melayu terdiri daripada persefakatan antara bangsawan Cina dengan komuniti India, Malayan Chinese Association (MCA) yang lahir daripada idea Sir Henry Gurney ditubuhkan sebagai lawan UMNO.

dengan berjanji menjaga kepentingan rakyat menjadi keutamaan mereka. Sebagai contoh, parti pembangkang Parti Islam Se-Malaysia (PAS) telah melaksanakan kempen yang berunsurkan sentimen perkauman dengan mendakwa bahawa kerajaan hanya memfokuskan kepada kepentingan orang Melayu dan mengabaikan orang bukan Melayu. Ditambah pula dengan perarakan provokasi yang diadakan oleh pihak pembangkang selepas keputusan pilihan raya mengeruhkan lagi keadaan. Pemimpin-pemimpin dari parti pembangkang juga tidak menghalang mahupun mengkritik perbuatan buruk ini. Ini jelas memperlihatkan segala strategi dan tindakan yang dilakukan oleh parti pembangkang adalah sengaja dilakukan demi memenuhi matlamat mereka.

Penindasan Pendorong Kepada Peristiwa Berdarah

Pertamanya dapat dilihat bahawa kedua-dua peristiwa konflik kaum ini didorong oleh punca yang berbeza secara tersiratnya namun punca secara tersuratnya dilihat didorong oleh faktor atau elemen yang sama. Secara umumnya, kejadian konflik besar pertumpahan darah seperti dua peristiwa kaum ini berlaku apabila ianya melibatkan *oppression* atau penindasan yang sangat berat. Menurut Cambridge Dictionary, *oppression* atau penindasan merujuk kepada diskriminasi apabila ketidakadilan tidak mensasarkan dan tidak boleh memberi kesan langsung kepada semua orang dalam masyarakat tetapi sebaliknya hanya menyasarkan kepada kumpulan-kumpulan orang yang tertentu sahaja. Bentuk-bentuk penindasan ini bukan sahaja dilihat dalam bentuk kekerasan atau kekejaman, malah ketidakadilan dalam institusi sosial atau pentadbiran politik juga boleh dikategorikan sebagai bentuk penindasan. Kebiasaan bentuk-bentuk *oppression* atau penindasan ini dilakukan oleh pihak berkuasa seperti pemimpin kepada rakyat atau sesebuah masyarakat umum (Merriam-Webster Dictionary). Disebabkan ini akhirnya akan wujudnya kebangkitan dalam kalangan yang tertindas bagi menuntut keadilan masing-masing. Di dalam konteks konflik kaum selepas pendudukan Jepun 1945 dan 13 Mei 1969, dapat dikenal pasti bahawa setiap pihak yang terlibat mengalami bentuk penindasan atau *oppression* yang berbeza sehingga mendorong mereka melibatkan diri di dalam peristiwa berdarah konflik kaum tersebut.

Konflik kaum selepas pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1945 berpunca daripada penjajahan Jepun yang kejam. Ini berbeza dengan peristiwa 13 Mei 1969 adalah disebabkan oleh kelemahan dan ketidakseimbangan dalam sistem pentadbiran politik negara yang dilihat seperti tidak mementingkan pluralisme. Kedatangan tentera Jepun untuk menawan Tanah Melayu pada 1941 memberikan keresahan serta keimbangan kepada masyarakat terutamanya ahli Parti Komunis Malaya. Hal ini demikian kerana, pendudukan Jepun telah menghalang matlamat PKM dalam menjadikan Tanah Melayu sebuah negara Republik Demokratik Malaya. Ini berpunca daripada dasar Jepun yang gagal mengambil kira kemajmukan Tanah Melayu ketika itu (Abu Talib Ahmad, 2006 : 3). Menurut Hanifa dan Azilah (2017), pemerintahan Jepun yang bersifat anti-China jelas memaparkan ketidakadilan ke atas kaum Cina. Kesemua orang Cina dianggap sebagai komunis dan diseksa serta dibunuhan oleh tentera Jepun. Orang Cina Komunis cuba bangkit menentang tentera Jepun dengan kerjasama daripada pihak British. Namun, ianya bukanlah suatu perkara yang mudah.

Pemerintahan Jepun selama lingkungan tiga tahun tersebut menyebabkan perasaan dendam terbuku di dalam hati ahli komunis kerana ketidakadilan dan penindasan yang dilakukan oleh Jepun. Perasaan dendam tersebut bukan hanya kepada tentera Jepun malah turut berasa dendam terhadap orang Melayu kerana bekerjasama dengan pihak tentera Jepun. Setelah tamatnya pendudukan Jepun pada 1945, Parti Komunis Malaya mengambil peluang tempoh

kekosongan kuasa politik itu untuk menawan Tanah Melayu Disebabkan oleh perasaan dendam orang-orang komunis semasa pendudukan Jepun, Parti Komunis Malaya mengambil kaedah menawan Tanah Melayu dengan menggunakan kekerasan dan kekejaman. (Ho Hui Ling, 2012 : 65). Pemburuan dilakukan terhadap orang-orang Melayu dan individu yang didapati pernah memberikan kerjasama kepada tentera Jepun. Golongan mereka ini akan ditangkap, diseksa dan dibunuuh memperlihatkan seperti mana yang pernah dilakukan oleh tentera Jepun kepada orang Cina dan Komunis.

Melalui sudut pandang kaum Melayu pula, memperlihatkan kebangkitan disebabkan oleh *oppression* atau penindasan yang dilakukan oleh Parti Komunis Malaya. Orang-orang Melayu dilayan dengan kejam dan memperkotak-katikkan kesucian agama Islam, telah menimbulkan kemarahan dalam kalangan orang Melayu (Hairi Abdullah, 1973). Maka pertembungan antara kaum ini secara tidak langsung menyebabkan peristiwa konflik kaum berdarah. Jadi secara amnya dapat dilihat bahawa konflik kaum yang berlaku adalah akibat daripada penjajah iaitu pendudukan Jepun di Tanah Melayu.

Ini berbeza dengan konflik kaum yang berlaku pada 13 Mei 1969. Konflik kaum besar tersebut adalah disebabkan oleh keadaan politik negara pada ketika itu. Menurut Betty (n.d.), rusuhan berdarah antara kaum 13 Mei 1969 adalah akibat tragik yang lahir daripada percanggahan dalam Parti Perikatan. Setiap kaum pada ketika itu juga, menuntut hak mereka sebagai warganegara Malaysia. Peristiwa tersebut berlaku pada pasca kemerdekaan di mana dalam erti kata lain Tanah Melayu tidak boleh lagi dijajah oleh kuasa luar. Hal ini demikian kerana, Tanah Melayu sudah berkerajaan sendiri dan membentuk negara di bawah nama Malaysia pada tahun 1957. Dari tempoh kemerdekaan sehingga tahun 1969 boleh dikatakan masih lagi tempoh yang singkat bagi keadaan politik negara stabil dan kukuh. Oleh itu, boleh dikenal pasti beberapa kelemahan-kelemahan dan kelompongan di dalam sistem pentadbiran negara. Ditambah pula dengan masyarakat tempatan yang terdiri daripada pelbagai kaum telah menyukarkan membentuk sebuah pentadbiran politik yang harmonis. Kelemahan-kelemahan dapat dilihat melalui kedua-dua buah pihak iaitu di antara pihak kerajaan Parti Perikatan dengan Parti Pembangkang. Dari aspek pihak kerajaan Parti Perikatan telah memperlihatkan bahawa tidak wujud sebuah kepimpinan yang mengutamakan kemajmukan. Pihak kerajaan di dakwa hanya mengutamakan orang-orang Melayu sahaja dan tidak kepada kaum-kaum Cina dan India. Wujud ketidakpuasan hati di dalam kalangan orang bukan Melayu namun, pemimpin-pemimpin perikatan tidak mengambil serius terhadap perasaan kekecewaan dan ketidakpuasan hati yang telah wujud dan terpendam.

Namun, tindakan kerajaan Parti Perikatan memfokuskan kepada kaum Melayu adalah merupakan strategi mereka. Strategi mereka yang cuba menggunakan apa yang dipanggil sebagai tindakan afirmatif di dalam pemerintahan Parti Perikatan. Pelaksanaan tindakan afirmatif di Malaysia sebenarnya telah bermula sebelum perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan. Pendekatan yang sama bermula sejak zaman kolonial lagi tetapi dengan istilah yang berbeza dan bersifat khusus Tindakan afirmatif merupakan salah satu dasar dilaksanakan bertujuan menangani masalah ketidakserataan dalam kalangan masyarakat di sesebuah negara khususnya di negara di mana masyarakatnya terdiri daripada pelbagai etnik (Sukemi & Rakan-rakan, 2020 : 59). Sebenarnya dasar ini merupakan satu dasar yang kontroversi. Hal ini demikian kerana, tidak ramai yang memahami dan kurang faham berkenaan dengan konsep afirmatif ini. Seringkali disalahertikan kewujudan pelbagai persepsi sama ada positif maupun negatif bergantung kepada pemahaman seseorang

terhadap konsep tindakan afirmatif. Hakikatnya, tindakan afirmatif merupakan satu bentuk diskriminasi positif yang dilaksanakan bagi mempercepat tercapainya keadilan dan kesetaraan antara etnik. Menurut Najit Sukemi dan rakan-rakan (2020), ia mengambil kira pelbagai faktor seperti etnik, agama, jantina dan status kecacatan bagi meningkatkan pencapaian agar mencapai peluang yang sama (*equal opportunity*) dalam apa jua bidang meliputi pekerjaan, pendidikan, kesihatan dan perniagaan (kontrak awam).

Tindakan afirmatif merupakan satu bentuk intervensi (penyertaan langsung pemerintah) bagi menstabilkan kedudukan dan menghapuskan kesan semasa dan kesan jangka panjang diskriminasi lampau (ketidaksetaraan). Di samping itu juga berusaha untuk mencapai peluang yang setara bagi semua bangsa dan jantina dalam pasaran kerja. Tindakan afirmatif boleh dilihat sebagai mekanisme bagi penyelesaian konflik yang wujud antara kaum dan ketidakseimbangan sosio-ekonomi. Seperti mana yang dilakukan oleh kerajaan Parti Perikatan dalam merapatkan jurang ketidakseimbangan antara kaum. Namun, disebabkan oleh tindakan afirmatif ini satu tindakan kontroversi, ianya mampu menimbulkan salah faham dalam kalangan rakyat. Ini jelas terlihat semasa tahun 1969 di mana penduduk tempatan terutamanya kaum Cina yang memberikan reaksi yang negatif terhadap kepimpinan kerajaan yang menggunakan tindakan afirmatif ini.

Keadaan menjadi lebih teruk apabila Parti Pembangkang menggunakan respon negatif ini dengan sering kali membangkitkan isu-isu sentimen perkauman tersebut. Tindakan tersebut ibarat mencurahkan minyak ke dalam api, menyemarakkan lagi ketegangan antara kaum yang sedia ada. Kemudian, keputusan pilihanraya 1969 yang dilihat memihak kepada Parti Pembangkang telah memberikan semangat kepada para penyokong sehingga terdapatnya perarakan-perarakan provokasi dilakukan oleh orang bukan Melayu. Provokasi yang dilakukan bukan sahaja dilakukan secara *verbal* malah turut dilakukan dengan kekerasan dan kekejaman. Ini menimbulkan ketidaksenangan dan kebimbangan dalam kalangan orang Melayu, menyebabkan mereka bertindak melakukan serangan balas bertujuan bagi mempertahankan diri mereka. Pertembungan inilah yang menyebabkan berlakunya pertumpahan darah antara kaum di Malaysia pada 13 Mei 1969.

Penglibatan Komunis

Wujud perdebatan mengenai penglibatan komunis terutamanya dalam peristiwa berdarah konflik kaum 13 Mei 1969. Hal ini demikian kerana, isu ini adalah merupakan kebimbangan serta kepercayaan Tunku Abdul Rahman yang bertegas bahawa wujud campur tangan daripada pihak komunis dalam peristiwa 13 Mei 1969. Di dalam peristiwa konflik kaum selepas pendudukan Jepun jelas memperlihatkan penglibatan penuh pihak komunis. Bahkan boleh dikatakan bahawa gerakan komunis daripada PKM yang menjadi punca utama berlakunya pertumpahan darah sehingga menyebabkan konflik antara kaum Melayu dan Cina. Latar belakang sejarah secara ringkasnya, fahaman komunis ini sebenarnya adalah fahaman yang dicetuskan oleh Karl Marx pada 1847 dan mula berkembang luas pada sekitar 1900-an. Menurut Djaelani, (2000), komunisme ini adalah merupakan sebuah pemikiran yang memfokuskan kepada material dan menjadikannya sebagai asas segala-galanya. Di Asia, idealisme komunis telah dipelopori oleh negara China dan tersebar luas di seluruh negara Asia. Pertapakan ideologi komunis ini telah lama sampai di Tanah Melayu dan bermatlamat dalam usaha diperluaskan ideologi mereka setelah penubuhan Parti Komunis Malaya (PKM) pada tahun 1920-an (Ho Hui Ling, 2012 : 62). Perkembangan fahaman komunis pada awalnya tidak bersifat agresif malah dilihat dilakukan secara pasif dan perlahan-lahan

sehingga pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Dakwaan Gene Z. Hanrahan mendakwa seperti berikut:

“Before World War II, The Malayan Communist Party (MCP) was not a major force in local politics. It was active underground, being called especially in Chinese School and through its agency the ‘General Labour Union’ and the youth band calling themselves ‘Anti-Japanese-Backing-Up-Association’, but the party does not constitute a real threat to the administration.” (Gene Z. Hanrahan, 2018: 30).

Selepas tamatnya pendudukan Jepun, strategi pergerakan perluasan pengaruh Parti Komunis Malaya (PKM) telah berubah daripada pasif kepada bentuk agresif. Hal ini demikian kerana, pasca perang dunia kedua adalah merupakan peluang yang terbaik bagi Parti Komunis Malaya dalam memerintah Tanah Melayu bagi mencapai agenda mereka dalam mewujudkan sebuah negara komunis di Tanah Melayu. Dalam tempoh 14 hari tempoh kekosongan kuasa politik selepas pengunduran Jepun, Parti Komunis Malaya telah bergerak melakukan keganasan. Mereka melakukan banyak kezaliman dan membunuh penduduk setempat terutamanya kaum Melayu. Tindakan kaum Melayu yang dilihat ditindas telah bangkit mempertahankan kesucian agama Islam dan diri mereka dengan melakukan serangan balas. Dari keadaan interaksi dua kaum inilah yang menyebabkan berlakunya konflik kaum pada ketika itu. Pada tahun 1948, pengisytiharan darurat dikeluarkan kerana berlaku pemberontakan senjata daripada Parti Komunis Malaya dan ini merupakan gerakan yang kemuncak daripada PKM (Ho Hui Ling, 2010: 27). Pada masa yang sama British juga telah memperkenalkan undang-undang baharu yang membolehkan penghapusan aktiviti yang menyokong ke arah perjuangan komunis. Peraturan tersebut adalah Ordinan Peraturan-peraturan Darurat pada bulan Mei 1948. Kejadian pemberontakan bersenjata tersebut adalah disebabkan oleh tindakan pihak British menolak segala tuntutan yang dikemukakan serta kegagalan PKM dalam memegang tumpuk pemerintahan di Tanah Melayu (Muhammad & Saat, 2018: 30). Pada 12 Julai 1948 Parti Komunis Malaya (PKM) telah diharamkan. Siri peperangan keganasan komunis berlanjutan sehingga darurat diisytiharkan tamat sepenuhnya pada 31 Julai 1960. Sejak dari itu, kewujudan pengaruh komunis masih ada namun telah menjadi lemah dan pasif. Ini menjadikan bahawa konflik kaum selepas pendudukan Jepun memperlihatkan penglibatan penuh daripada pihak komunis.

Pada peristiwa 13 Mei 1969 pula, masih kurang nyata maklumat mengenai penglibatan komunis di dalam peristiwa berdarah 13 Mei. Dakwaan ini terbahagi kepada dua golongan iaitu yang menyokong dan percaya penglibatan komunis dan golongan kedua ialah yang menolak dakwaan itu. Namun isu ini sering menjadi kerisauan dan ditimbulkan oleh Tunku Abdul Rahman sepanjang beliau menjadi Perdana Menteri mengharungi peristiwa berdarah itu. Beliau percaya bahawa wujud campur tangan di sebalik kejadian tersebut bahkan mendakwa perbalahan kaum tersebut berpunca daripada pihak komunis yang cuba membangkitkan, bermain dengan isu perkauman. Menurut beliau, setiap negara tidak lari daripada menghadapi masalah pengaruh ideologi dan fahaman luar. Tidak ada negara di dalam dunia ini yang boleh berdiri sendiri mengasingkan diri daripada isu tersebut. Ini termasuk Malaysia yang tidak akan lari daripada pengaruh fahaman komunis pada ketika itu. Tegas Tunku Abdul Rahman (2012), menerusi catatan beliau, menyatakan terdapatnya bukti kewujudan komunis selepas tamatnya pengisytiharan darurat pada 1960, ialah peristiwa yang berlaku di Pulau Pinang pada 19 November 1967. Itu merupakan satu contoh yang menggambarkan sejauh mana penyokong komunis, sama ada bergerak secara terang-terangan

atau secara sulit. Tunku Abdul Rahman percaya bahawa segala kekacauan dan onar yang diperakuan oleh komunis adalah untuk merosakkan kepentingan Malaysia.

Kemudian, menjelang pilihan raya 1969, Parti Buruh Malaysia telah bertindak untuk memulaukan pilihan raya 1969 sebagai tanda protes dan menentang Parti Perikatan (Arkib Negara Malaysia, n.d.). Parti Buruh Malaysia adalah merupakan sebuah salah satu parti yang menerima besar pengaruh komunis. Menelusuri dalam sejarah, dalam usaha mengembangkan empayar dan pengaruh komunisme selepas perang dunia kedua, PKM telah menyelinap masuk ke dalam kesatuan-kesatuan sekerja dan mengorganisasikan *General Labour Union* atau Parti Buruh di Tanah Melayu (Muhammad & Saat, 2018: 28). Oleh itu, tidak hairanlah bahawa tindakan pemulauan yang dilakukan oleh Parti Buruh tersebut mendapat sokongan penuh pihak komunis di sebalik tabir. Kemudian terdapat penemuan dari pihak polis yang menjumpai 55 bendera komunis di Perak dan berlaku tunjuk perasaan secara mengejut di Kuala Lumpur semasa hari penamaan calon (Tunku Abdul Rahman, 2018: 13). Ancaman komunis dilihat tidak muncul secara terang-terangan malah bergerak secara berselindung dalam mana-mana parti dan dilakukan apa sahaja cara untuk mencapai tujuan mereka. Keadaan ini amat berbahaya kerana menggunakan dakyah-dakyah baru semata-mata memperoleh sokongan daripada orang ramai terutamanya orang Cina. Hal ini demikian kerana, walaupun Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan, terdapat sebilangan orang Cina yang masih enggan menyifatkan Malaysia sebagai negara tanah tumpah mereka sendiri. Ini menjadikan mereka sasaran utama untuk memberikan sokongan kepada komunis dengan menanam perasaan perkauman di dalam hati dan fikiran mereka.

Parti Komunis Malaya selalu mengemukakan bangkangan terhadap pilihan raya yang bercorak demokrasi. Hal ini demikian kerana, mereka menyifatkan demokrasi berparlimen itu sebagai satu ajaran imprealis yang tidak sesuai dengan ideologi Mao Tze Tung (Tunku Abdul Rahman, 2018: 172). Di dalam akhbar *The Star* (2008), menceritakan bahawa sejak pilihan raya pertama lagi Tunku juga menuduh penyokong dua parti pembangkang yang bertanding dalam pilihan raya pertama, Gerakan iaitu parti pelbagai kaum yang termasuk bekas pemimpin Parti Buruh Tan Sri Dr Tan Chee Koon dan Dr V. David dan DAP telah mengadakan perayaan provokatif di kawasan Melayu seperti Kampung Baru. Oleh itu, tanggapan ini tidak lari dari pemikiran Tunku yang mendakwa wujud campur tangan komunis di belakang parti pembangkang sehingga pilihan raya 1969. Namun, perlu diingatkan bahawa peristiwa 13 Mei 1969 tidak berpunca daripada satu faktor sahaja, malah dipengaruhi oleh faktor-faktor lain yang menjadi penyumbang kepada peristiwa berdarah 13 Mei. Betul bahawa terdapat penglibatan komunis tetapi campur tangan lebih kepada *underground* dan tidak jelas.

Penglibatan komunis dalam kejadian 13 Mei 1969 hanyalah sebahagian kecil jika dibandingkan dengan faktor-faktor lain yang menjadi penyumbang besar. Pada pendapat saya adalah faktor yang paling dominan adalah institusi pentadbiran yang tidak mementingkan kemajmukan dan persaingan politik yang tidak sihat. Misalnya, sikap parti pembangkang yang menggunakan isu sensitif sentimen perkauman sebagai strategi mereka dalam mengalahkan Parti Perikatan. Penglibatan komunis sedikit membezakan kedua peristiwa antara konflik kaum selepas pendudukan Jepun dengan peristiwa 13 Mei 1969. Di mana, konflik kaum selepas pendudukan Jepun adalah bermula daripada keganasan komunis yang telah mengganggu ketenteraman orang ramai. Manakala hanya wujud sebahagian kecil penglibatan komunis secara tidak langsung dalam peristiwa 13 Mei 1969.

Perjuangan Yang Menuntut Hak Kaum Atau Tidak?

Kedua-dua konflik kaum ini berlaku melibatkan pergaduhan antara kaum yang berbeza, dalam konteks ini lebih melihat kepada pertelagahan antara kaum Melayu dan Cina. Namun adakah kedua-dua peristiwa berdarah tersebut berlaku atas dasar memperjuangkan dan menuntut hak kaum mereka? Menurut kamus dewan dan pustaka, perkataan konflik didefinisikan sebagai perbuatan pertelingkahan, pertikaian dan perbalahan. Konflik adalah cetusan awal kepada aktiviti yang tidak sihat dan sekiranya berterusan, ianya akan membawa kepada peristiwa buruk. Konflik adalah sesuatu perkara yang boleh berlaku pada individu, kumpulan, organisasi dan masyarakat. Konflik adalah sifat semula jadi yang wujud serta sentiasa dialami oleh semua manusia. Konflik mempunyai ciri-ciri tersendiri yang boleh dianalisis melalui personaliti dan juga tingkah laku. Konflik wujud disebabkan perbezaan tingkah laku yang timbul akibat daripada ketidaksetujuan dan ketidaksesuaian tingkah laku dengan orang lain mahupun keadaan persekitaran.

Jika diteliti konflik selepas pendudukan Jepun, ianya tidak sepenuhnya diklasifikasikan sebagai isu perkauman tetapi lebih kepada tindakan atas dasar perluasan kuasa komunis. Apa yang diistilahkan sebagai konflik kaum menerusi tindakan kekejaman komunis selama ini adalah disebabkan oleh keahlian anggotanya yang majoriti terdiri daripada kaum Cina. Oleh hal yang demikian, ini menyebabkan orang Melayu menganggap bahawa Parti Komunis Malaya (PKM) ini adalah merupakan sebuah organisasi parti Cina. Tanggapan ini telah menyebabkan orang-orang Melayu bertindak membala serangan bukan sahaja kepada *Malayan Peoples' Anti-Japanese Army* MPAJA dan PKM malah turut menyerang orang Cina kerana beranggapan bahawa semua orang Cina adalah ahli komunis. Maka, dari sini orang ramai mengklasifikasikan peristiwa tersebut sebagai kejadian konflik kaum. Jika melihat daripada sudut pandang yang berbeza di mana tidak mengaitkan perkauman, sebenarnya peristiwa keganasan tersebut hanyalah antara PKM dengan masyarakat di Tanah Melayu. Amat sukar juga untuk melihat keganasan PKM sebagai gerakan kebangkitan orang Cina kerana wujud anggota yang terdiri daripada orang India dan orang-orang Melayu. Kewujudan nama-nama seperti Shamsiah Fakeh, Abdullah C.D., Rashid Maidin dan Mat Indra membuktikan bahawa terdapatnya penglibatan orang Melayu di dalam aktiviti Parti Komunis Malaya (Dali, 2016 :145).

Namun seperti mana yang dinyatakan sebelum ini, masih kurang maklumat mengenai penglibatan kaum India tetapi daripada kes seperti Ganapathy dan Sambasivam boleh dikatakan terdapatnya wujud penglibatan mereka dalam Parti Komunis Malaya. Walau bagaimanapun, fakta tersebut dikaburi oleh kuantiti yang tinggi ahli anggota PKM yang majoritinya adalah kaum Cina. Bahkan segelintir orang Cina juga menjadi mangsa kepada kekejaman komunis. Dilaporkan bahawa MPAJA telah membunuh lebih kurang seramai 2,542 orang Cina, Melayu, India dan lain-lain yang dianggap sebagai tali barut Jepun (Ho Hui Luing, 2012: 65). Dengan penjelasan tersebut maka dapat memperlihatkan bahawa konflik yang berlaku semasa tempoh 14 hari kekosongan selepas pendudukan Jepun 1945 bukanlah sepenuhnya bersifat perkauman. Tindakan keganasan komunis pada ketika itu adalah suatu tindakan yang tidak memperjuangkan perkauman mahupun menuntut hak kaum (hak-hak kaum Cina). Malah ianya adalah tindakan keganasan yang dilakukan atas dasar membala dendam, memperjuang ideologi komunis dan meluaskan kuasa serta pengaruh komunisme di Tanah Melayu bagi mencapai agenda mereka. Walaupun tindakan PKM seolah-olah untuk menunjukkan kepada masyarakat orang Cina terutamanya, bahawa mereka bertindak untuk membela nasib golongan yang dikejami oleh Jepun dan persubahatannya.

Namun, hakikatnya ini hanyalah strategi PKM dalam meraih sokongan dan bantuan tenaga tentera mereka dalam menawan Tanah Melayu.

Kejadian rusuhan 13 Mei 1969 pula jelas memperlihatkan konflik yang bersifat perkauman kaum yang ketara berlaku terutamanya antara orang Melayu dan orang-orang bukan Melayu. Berbeza dengan kejadian selepas pendudukan Jepun, setiap kaum terutamanya kaum Melayu dan bukan Melayu iaitu Cina dan India pada ketika itu cuba menuntut hak-hak mereka dan keadilan yang sama rata diberikan oleh kerajaan. Kedua-dua kumpulan ini saling menegakkan *status quo* masing-masing. Bagi sesebuah negara yang merdeka, pembentukan perpaduan nasional adalah suatu perkara yang penting. Namun, perbezaan fahaman, agama dan budaya menjadi cabaran dan telah menjadi isu pendorong kepada pergaduhan kaum. Oleh itu, persetujuan daripada semua pihak adalah sangat penting bagi merealisasikan perpaduan nasional yang diinginkan. Menelusuri sejarah Malaysia, asas permulaan dalam pembinaan perpaduan di Tanah Melayu sebelum kemerdekaan adalah melalui persetujuan bersama Kontrak Sosial. Persetujuan untuk dipersetujui dalam kalangan pemimpin Melayu dan bukan Melayu. Persetujuan ini dicapai bersama atas rundingan dan tolak ansur yang dilakukan hasil permuafakatan parti-parti politik berdasarkan tiga kaum utama. Parti-parti diwakili iaitu Parti Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Persatuan Cina Malaya (MCA) dan Kongres India Malaya (MIC) semasa pembentukan negara. Kontrak Sosial tidak harus dianggap sebagai persetujuan pemimpin atau kelas elit kaum-kaum berkenaan sahaja tetapi merupakan simbolik kepada persetujuan pemimpin yang mewakili kaum masing-masing. Permuafakatan itu mendapat sokongan rakyat yang dibuktikan dengan kemenangan Parti Perikatan dalam pilihan raya umum pertama negara pada 1955 (Manaf, 2009). Walaupun ini memperlihatkan seperti langkah kesepadan di dalam politik negara, namun hakikatnya mewujudkan satu sistem politik yang berpecah mengikut kaum. Dari sinilah yang menampakkan tiadanya struktur politik yang mengutamakan kemajmukan pada waktu tersebut.

Berbeza dengan cara Indonesia yang berjaya menangani isu perkauman ini dengan melaksanakan doktrin “pengIndonesiaan” dalam kalangan rakyatnya yang berbilang kaum (Azmi & Rakan-rakan, 2017: 10). Struktur masyarakat di Indonesia adalah sama seperti Malaysia yang terdiri daripada kepelbagaian kaum. Kedua-dua negara ini dikategorikan sebagai negara yang mempunyai masyarakat berdasarkan budaya hasil daripada kepelbagaian etnik dan kaum. Walau bagaimanapun, dari segi pembentukan masyarakat berdasarkan negara bangsa dapat dilihat bahawa Malaysia masih lagi ketinggalan jika dibandingkan dengan Indonesia yang telah mencapai identiti negara bangsa.

Selain itu, kewujudan parti politik yang mengikut kaum menyebabkan tercetusnya perbezaan ideologi. Ideologi etnik yang muncul pada akhir 1960-an sangat berbeza dengan ideologi yang berlaku pada tahun 1950-an, dan mereka menunjukkan ketegangan yang semakin meningkat antara pergeseran keseimbangan kekuatan dalam borjuasi dan struktur institusi negara. Oleh itu, berlaku perubahan kedudukan pecahan kelas dominan, dan kesannya terhadap negara, yang merupakan tahap terakhir dalam penjelasan mengenai keganasan etnik. Kita telah memperhatikan bahawa di negara yang merdeka, kuasa diturunkan oleh Perikatan kepada golongan Melayu yang mempromosikan kepentingan mereka melalui penguasaan mereka atas perkhidmatan awam kanan dan parti politik UMNO dan borjuasi komersial China, yang mempertahankan kepentingan ekonomi mereka melalui kawalan MCA mereka. Orang Melayu menerusi UMNO memperoleh kekuatan politik untuk diri mereka sendiri.

Orang-orang Cina dan India telah menang sendiri kekuatan ekonomi. Gabungan keduanya dengan muhibah dan persefahaman yang lengkap telah mewujudkan keamanan dan keharmonian, ditambah dengan kemakmuran negara (Comber, 1983: 64).

Namun, semasa kempeta pilihan raya 1969, kepemimpinan UMNO berpegang pada ideologi keseimbangan etnik, tetapi banyak aktivis peringkat pertengahan dan akar umbi menyokong tema ideologi dominasi Melayu yang lebih radikal. Hal ini telah menimbulkan ancaman langsung kepada keselamatan orang bukan Melayu, dan disebabkan ini berfungsi sebagai dasar dan faktor untuk keganasan yang berlaku. Ketakutan masyarakat orang bukan Melayu bahawa bahasa dan budaya mereka diancam oleh sebuah negara Malaysia yang semakin meningkat di bawah kawalan orang Melayu. Sebagai contoh, beberapa calon pembangkang yang membangkitkan isu terhadap pengenalan Fasal 152 dan Fasal 153 di dalam Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi menggantikan bahasa-bahasa yang lain (The National Operations Council, 1974). Kemudian, timbul ketakutan terhadap masyarakat Melayu bahawa mereka dominasi politik kini diancam oleh kebangkitan parti-parti pembangkang di peringkat persekutuan terutamanya PAS. Hal ini demikian kerana, ideologi Parti Islam Se-Malaysia (PAS) bersifat pro-Islam.

Namun, bagi kaum Melayu pula timbul isu daripada rungutan ekonomi yang lebih mendasar. Borjuasi Melayu, borjuasi kecil dan petani masing-masing telah menyedari bahawa sejak kemerdekaan mereka jauh ketinggalan dari aspek ekonomi dan mendapat bahagian hasil ekonomi yang sedikit dari kekayaan negara. Terdapat persepsi yang meluas bahawa pelbagai rancangan kerajaan laksanakan untuk membantu orang Melayu tetapi tidak berkesan. Parti Perikatan berusaha untuk merapatkan jurang ekonomi antara kaum namun kurang berkesan. Terdapat bukti untuk ini dalam kadar pengangguran orang Melayu yang lebih tinggi di kawasan bandar, dan penurunan keseluruhan pendapatan orang Melayu berbanding dengan pendapatan orang Cina, dari nisbah kira-kira 1: 2 pada tahun 1958, menjadi salah satu dari 1: 2.5 pada tahun 1967 (Brown, 1994: 160). Di antara tahun 1957 dan 1970, berlaku ketidakseimbangan ekonomi, di mana jurang pendapatan antara kaum meningkat sebanyak 36.2 peratus untuk orang Melayu dan 21.6 peratus untuk orang Cina. Pada tarikh terakhir ini, hampir 90 peratus dari ketidaksamaan pendapatan keseluruhan disebabkan perbezaan antara kumpulan perkauman, dan bukannya perbezaan di antara sesama kaum (Anand, 1983: 96). Pelbagai kumpulan kelas Cina, dari pihak mereka, menyedari bahawa peningkatan dominasi orang Melayu dalam Parti Perikatan dan dalam perkhidmatan awam kanan disertai dengan serangan yang semakin terang-terangan terhadap pendidikan Cina dan dominasi mereka dalam perdagangan dan industri, yang mula menjadi nyata ancaman terhadap keselamatan kedudukan ekonomi mereka di Malaysia.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, terdapat dua persamaan dan dua perbezaan yang dapat dianalisis di antara konflik kaum selepas pendudukan Jepun pada tahun 1945 dan peristiwa 13 Mei 1969. Dapat dilihat bahawa kedua-dua peristiwa konflik kaum tersebut adalah merupakan suatu kejadian yang dirancang dan tidak berlaku secara spontan. Persamaan kedua peristiwa ini adalah bermula daripada unsur *oppression* atau penindasan yang sangat berat. Namun, setiap pihak yang terlibat mengalami bentuk penindasan atau *oppression* berbeza yang mendorong mereka melibatkan diri di dalam peristiwa berdarah konflik kaum tersebut. Penindasan tentera Jepun ke atas komunis dan kaum Cina menjadikan mereka bangkit pada

tahun 1945, manakala bagi pihak kaum Melayu pula mengalami penindasan akibat daripada tindakan komunis menghina kesucian agama Islam.

Seterusnya, kedua-dua peristiwa memperlihatkan wujudnya campur tangan komunis sebalik tabir peristiwa konflik kaum berdarah. Walau bagaimanapun, sejauh mana penglibatan komunis itu yang menjadi perbezaan antara kedua peristiwa tersebut. Penglibatan pihak komunis dilihat secara penuh menjadi punca utama pertembungan kaum selepas pendudukan Jepun. Ia didorong oleh matlamat mereka dalam memperluaskan pengaruh komunis di Tanah Melayu. Oleh itu, ia tidaklah bersifat perkauman secara menyeluruh. Berbeza dengan peristiwa 13 Mei hanya ada penglibatan kecil daripada pihak komunis dan boleh dikatakan bahawa ia bukanlah penyumbang utama. Faktor-faktor lain seperti persaingan politik yang tidak sihat menjadi faktor dominan. Menggunakan isu perkauman dalam arena politik dan kepimpinan kerajaan Parti Perikatan yang dilihat tidak adil dan dianggap mencabuli hak-hak khususnya orang-orang bukan Melayu. Oleh hal yang demikian, berlaku kebangkitan orang bukan Melayu dalam mempertahankan dan menegakkan hak atau *status quo* mereka sebagai warganegara Malaysia. Kebangkitan yang berunsur agresif oleh orang bukan Melayu itu telah menimbulkan ketidaksenangan dan kebimbangan dalam kalangan orang Melayu, menyebabkan mereka bertindak melakukan serangan balas bertujuan bagi mempertahankan diri mereka.

Maka dengan itu, amat penting bagi seluruh masyarakat dalam memahami dan mengambil pengajaran daripada peristiwa konflik kaum yang telah berlaku sebelum ini. Walaupun kedua peristiwa konflik kaum ini berlaku di dalam tempoh, keadaan dan situasi yang berbeza, tidak dapat dinafikan bahawa ianya mampu berulang kembali. Selaras dengan pendapat Mark Twain menyatakan bahawa sejarah tidak akan berulang kembali secara menyeluruh 100 peratus akan belaku kembali seperti mana yang berlaku di masa lampau. Namun, peristiwa atau kejadian yang lebih kurang serupa tidak dinafikan akan berlaku di masa hadapan. Ia adalah tanggungjawab bersama dalam menghormati, bertolak ansur dan menjaga sensitiviti antara satu sama lain agar membentuk sebuah negara yang aman dan harmoni.

Penghargaan

Kertas kerja ini merupakan sebahagian daripada dana geran penerbitan kerjasama Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Global Academic Excellence (GAE). Kertas kerja ini diterbitkan menggunakan geran penerbitan Kod Projek: Projek TLC2105.

Rujukan

- A'zmi, A. A., Wahida, F., Khairunnisa, A., & Suhaini, N., (2017). Realiti Kepelbagaiannya Kaum Ke Arah Perpaduan Nasional Pasca Merdeka. *Malaysian Journal of Social Science*. 2. Kolej Universiti Islam Melaka.
- Abu Talib Ahmad. (2006). *Darurat Dan Perpaduan Antara Kaum. Persidangan Kebangsaan Mengenai Dato' Onn Jaafar*. Anjuran Badan Perhubungan UMNO Negeri Johor dan Yayasan Warisan Johor.
- Ahmad, A. M. (2009). *Kontrak sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Anand, S. (1983). *Inequality and Poverty in Malaysia: Measurement and Decomposition*. New York: Oxford University Press.
- Arkib Negara Malaysia. *Pilihan Raya Umum Ketiga Tahun 1969*. Dipetik dari <http://www.arkib.gov.my/web/guest/pilihan-raja-umum-ketiga-tahun-1969>.
- Betty M. (n.d.). *13 Mei 1969: Sejarah Hitam Cina-Melayu Di Malaysia*. Universiti Selangor.

- Brown, D. (1994). *The State and Ethnic Politics in South-East Asia (Politics in Asia)*. London. Routledge.
- Bryan C. Cooper. (2001). *Decade of Change Malaya and Straits Settlements 1936-1945*. Singapore. Graham Bash.
- Cambridge Dictionary. *Oppression*. Dipetik dari <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/oppression> pada 20 Mei 2021.
- Cheah Boon Kheng. (1981). Sino Malay Conflicts in Malaya, 1945-1946: Communist Vendetta and Islamic Resistance. *Journal of Southeast Asian History*. 12(1).
- Cheah Boon Kheng. (1983). *Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict During and After the Japanese Occupation of Malaya, 1941-1946*. Singapore: Singapore University Press.
- Chin Peng. (2003). *My Side of History*. Singapore: Media Masters.
- Comber, L. (1983). *13 May 1969: A Historical Survey of Sino-Malay Relations*. Kuala Lumpur. Heinemann.
- Dali, A. M. (2016). *Orang India dan Parti Komunis Malaya di Tanah Melayu dengan Rujukan kepada Kes Ganapathy dan Sambasivam, Di Sebalik Tadbir Sejarah Politik Malaysia 1945-1957*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Djaelani, A. Q. (2000). *Komunisme Musuh Islam Sepanjang Sejarah*. Yayasan Pengkajian Islam Madinah-Munawwarah. Jakarta.
- Gene Z. Hanrahan. (1971). *The Communist Struggle in Malaya*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Hairi Abdullah. (1973). Kebangkitan dan gerakan tentera Selendang Merah dalam sejarah daerah Muar dan Batu Pahat. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*. Universiti Kebangsaan Malaysia. 03-04.
- Hanifa, M. A., & Othman, M. R. (2012). Pergaduhan Kaum Di Tanah Melayu Selepas Pendudukan Jepun Hingga Darurat Diisytiharkan. Sejarah. *Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya*. 20(20).
- Haniffa, M. A., & Azilah, A. N. (2017). Impak Penjajahan British Dan Jepun Terhadap Hubungan Melayu-Cina Di Tanah Melayu. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. 4(2).
- Haniffa, M. A., & Azilah, A. N. (2021). Hubungan Etnik Di Tanah Melayu, 1941-1955: Penelitian Awal Berdasarkan Sudut Pandangan Sejarah. Sejarah. *Journal of History Department University of Malaya*. 30(1).
- Ho Hui Ling. (2004). *Darurat 1948–1960: Keadaan sosial di Tanah Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Kuala Lumpur.
- Ho Hui Ling. (2010). *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ho Hui Ling. (2012). Strategi Pergerakan Komunis Dan Parti Komunis Malaya (PKM) 1920-1989. *SARJANA*. 28(2). Universiti Malaya.
- Jasmi, K. A. (2012). Penyelidikan Kualitatif dalam Sains Sosial. *Kursus Penyelidikan Kualitatif siri 1 2012*. Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim. Johor Darul Ta'zim.
- Kua Kia Soong. (2007). May 13 - Declassified Documents on the Malaysian Riot of 1969. Selangor: SUARAM Komunikasi.
- Latiff, S. (1989). Southeast Asian Affairs, Singapore 1977, quoted in K. DAS & SUARAM, "The White Paper on the October 1987 Affair and the Why? Papers", *SUARAM*.
- Merriam-Webster. *Oppression*. Dipetik dari <https://www.merriam-webster.com/dictionary/oppresion>.

- Muhammad, R. & Saat, I. (2018). *Keganasan Komunis dan Kesannya pada Zaman Darurat 1948-1960 di Daerah Hulu Langat, Selangor*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Johor.
- Rahim, M. R. (1991). *Malaysia Kita*. Institut Pentadbiran Negara (INTAN).
- Rosmanira, A. (2017). Hubungan Etnik Selepas Perang Dunia Kedua Dan Pengasuh. In: *Persidangan Nasional Sejarah Dan Sejarawan Malaysia 2017 Memperkasa Sejarah Nasional Dalam Melestarikan Pembanggungan Negara*. Universiti Sains Malaysia. 49-74.
- Selamat, A., & Safarudin, M. I. (2016). Penilaian Faktor-faktor Kesenjangan Etnik di Malaysia Sebagai Penghalang Perpaduan Nasional. *Jurnal Kinabalu*. 19.
- Sukemi, N., Nawawi, N., Ahmat, N., & Rizal, A. (2020). Tindakan Affirmatif Di Malaysia: Menghapuskan Kekeliruan Menerangi Kebenaran. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*. 4(2). Malay Arts, Culture and Civilization Research Center. Institute of the Malay World and Civilization.
- The National Operations Council. (1974). *The May 13 Tragedy: A Report*. Kuala Lumpur: Government Printers.
- Tragedi 13 Mei. (1969). *Satu Laporan oleh Majlis Gerakan Negara*. Kuala Lumpur
- Tunku Abdul Rahman. (2012). *13 Mei Sebelum Dan Selepas*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Vengadesan, M. 11 May 2008. *May 13, 1969: Truth and Reconciliation*. TheStar. Dipetik dari <https://www.thestar.com.my/opinion/columnists/watching-the-world/2008/05/11/may-13-1969-truth-and-reconciliation/>.
- Zaki, A. (2017). *Kerjasama dan Konflik antara Parti Komunis Malaya dengan British di Tanah Melayu, 1941-1948*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.